



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**

Perancangan harta pusaka

BERDASARKAN rekod Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, setakat tahun 2016, kira-kira RM60 billion jumlah harta yang tidak dituntut oleh waris si mati.

Aset berkenaan merangkumi rumah, wang dan tanah yang tidak dituntut. Proses pengagihan harta akan menjadi rumit jika berlaku sebarang pertikaian, pertindihan dan penipuan dalam kalangan waris.

Antara faktor penyumbang adalah disebabkan oleh ramai yang mengambil mudah persoalan wasiat dan pengurusan harta selepas kematian sehingga tidak membuat persiapan yang sepatutnya, tidak mempunyai pengetahuan dan kesedaran mengenai wasiat itu sendiri.

Di sini jelas menunjukkan bahawa keperluan untuk mempunyai ilmu berkaitan dengan perancangan harta pusaka.

Perancangan harta pusaka adalah satu proses untuk memenuhi keperluan kewangan dan keperluan peribadi melalui pembentukan dan pelaksanaan suatu perancangan harta dan perwarisan yang komprehensif.

Perancangan harta pusaka boleh dibuat melalui wasiat, waqaf, hibah, amanah, surat kuasa wakil dan insurans. Artikel minggu ini akan membincangkan mengenai wasiat.

Umumnya, wasiat merupakan dokumen undang-undang yang menyatakan arahan bagaimana harta individu ingin diuruskan selepas kematian.

Ia adalah dokumen penyelesaian pusaka berbentuk arahan kepada wasi (pentadbir) untuk menyempurnakan segala harta pewasiat termasuklah segala strategi perancangan dan pengagihan harta selepas kematian.

Jika individu meninggal dunia tanpa mempunyai wasiat, pusaka mereka mungkin tidak dapat diserahkan kepada penerima yang dikehendaki.

Umumnya pusaka terbahagi kepada dua iaitu harta tidak alih (rumah, tanah dan bangunan) dan harta alih (wang tunai akaun bank, barang kemas, saham, kenderaan dan sebagainya) yang didaftarkan di atas nama si mati.

Kebiasaannya, harta tersebut akan dibahagikan setelah segala hutang, belanja pengebumian dan perbelanjaan lain berkaitan kematian diselesaikan.

Bagi individu Islam yang mempunyai wasiat, mereka boleh memperuntukkan satu per tiga harta kepada individu atau organisasi pilihan mereka. Sementara bagi individu bukan Islam, wasiat membolehkan mereka mengagihkan kesemua harta kepada individu atau organisasi pilihan mereka.

Semua harta akan diagihkan mengikut faraid atau pemuafakatan waris sekiranya individu Islam meninggal dunia tanpa berwasiat.

Bagi individu bukan Islam yang meninggal dunia tanpa wasiat, harta akan diagihkan mengikut Akta Pembahagian 1958 (diubahsuai pada tahun 1997) atau mengikut pemuafakatan waris.

Ini antara kelebihan menyediakan wasiat. Antaranya kebajikan waris individu (si mati) diutamakan dan dilaksanakan secara profesional selain dapat memberi hak kepada individu untuk memilih penjaga yang boleh dipercayai untuk menjaga kebajikan sekiranya ada anak di bawah umur dan kelainan upaya selepas meninggal dunia.

Ia juga dapat mengelakkan perbalahan antara ahli keluarga serta boleh menyelesaikan masalah pembahagian harta kepada anak angkat atau anak tiri.

● Penulis ialah Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysi dan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia.